

Qalam

KDN 909

174 Sha'bān 1384, Januari 1965, 60 sen

Selamat Berpuasa

Kepada pembaca-pembaca kita khasnya dan Ikhwan al-Muslimin amnya diucapkan menyambut bulan Ramaḍān al-Mubārak dan semoga dapat kita bersama-sama berpuasa di dalamnya dan dilimpahi Tuhan kelak dapat menjumpai Laylatu al-Qadr malam mubārak yang sangat ditunggu oleh sekalian Ikhwan al-Muslimin.

Mudah-mudahan ibadat kita dapat disempurnakan dengan sebaik-baiknya dan dijalankan dengan ikhlas serta diterima Tuhan dan diredai-Nya - Āmīn.

* * *

Zakat Fitrah

Menurut berita akhbar bahawa ada banyak ulama dan guru-guru agama di Seberang Prai telah membantah kepada Majlis Agama Islam atas potongan zakat fitrah dengan dipungut serta dikuatkuasakan oleh amil-amil Majlis Islam sahaja kerana zakat fitrah itu bukan zakat harta yang mewajibkan dipungut dengan suatu pertadbiran yang kuat kuasakan oleh pemerintah.

Daripada ini jelas bahawa cara potongan zakat fitrah yang berjalan di Persekutuan Tanah Melayu yang dilaksanakan oleh amil-amil pejabat agama yang bagi memungut zakat fitrah

itu yang dimulai pada bulan Ramaḍān, sebahagiannya dari bulan Ramaḍān atau pada permulaan likur yang ketiga pada malam hari raya kepada orang-orang yang berhak menerimanya itu dipandang tidak tepat kerana wajibnya zakat fitrah itu pada malam 29 atau mulai dari terbit fajar hari penghabisan berpuasa dan jika terlewat daripada hari raya maka tidak lagi dipandang sebagai zakat fitrah tetapi dipandang sebagai sedekah jua.

Berdasarkan hujah-hujah ini harus mereka memandang bahawa potongan zakat fitrah sebelum masa yang tersebut tidak boleh dikeluarkan sebab belum tiba waktu dan masanya serta ketikanya kerana ada kemungkinan sebelum masa itu seseorang itu belum tentu ia mempunyai kemampuan yang mewajibkan ia mengeluarkan zakat fitrahnya di dalam masa yang tersebut.

Mengenai pembahagian pula pada masa Rasullullah (S.A.W) zakat fitrah itu diberikan hanya kepada fakir dan miskin dan tidak sekali-kali kepada golongan lain yang terdapat pada ayat pembahagian zakat fitrah itu.

Mengingat hal tersebut ini hendaklah amil-amil fitrah membahagikan fitrah yang dapat dikumpulkan hanya untuk golongan *fuqarā'* dan *masākīn* sahaja; dan cara inilah kepentingan dan hajat dapat dipenuhi, apabila fitrah itu dibahagi delapan atau lebih dari satu dua bahagian sahaja nescaya pembahagian fitrah tidak akan memberikan kepuasan kepada golongan yang perlu memperoleh kepuasan pada hari yang berbahagia itu.

Bahagian fitrah itu boleh dibahagi lebih daripada satu atau dua bahagian sekiranya nyata benar ia tidak mengurang dan menyedikitkan bahagian *fuqarā'* dan *masākīn*. Satu kesilapan besar berpegang terus dengan kebiasaan membahagikan tujuh atau delapan bahagian itu apabila nyata mengecewakan golongan *fuqarā'* dan *masākīn* itu.